

28/11/2003

Umno Kelantan ibarat pesakit gagal makan ubat

Muhd Nor Aswadi Md Nor

PERUBAHAN pucuk pimpinan di empat bahagian Umno Kelantan yang diumumkan Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sejurus mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Sabtu lalu memberikan sesuatu yang signifikan kepada Umno Kelantan khususnya serta rakyat Kelantan amnya.

Sebagai sebuah negeri yang diperintah parti pembangkang selama tiga penggal pilihan raya berturut-turut, pastinya tugas Umno untuk mengembalikan keyakinan rakyat kepada parti itu adalah sangat berat dan jangan dipandang enteng.

Justeru, pelbagai idea dan pandangan sama ada yang bersifat teori mahupun praktikal dicadangkan oleh banyak pihak yang prihatin dengan situasi politik Kelantan. Sepanjang 14 tahun lalu, segala teori dan cadangan ini yang pernah dianggap sebagai ubat oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, nampaknya kurang mujarab.

Dr Mahathir sendiri pernah dalam suatu majlis menyuarakan kehampaan beliau apabila gagal mengembalikan Kelantan kepada kerajaan Barisan Nasional, walaupun pernah menyandang jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri selama beberapa tahun.

Kelantan yang diperintah oleh Pas dianggap sebagai seorang manusia yang sedang sakit, manakala idea dan cadangan untuk menawan semula Kelantan dianggap sebagai ubat. Maka jika orang sakit itu tidak mahu memakan ubat yang dicadangkan, logiknya tidak mungkin penyakit yang ada akan sembuh. Begitulah analogi mudah yang diberikan oleh seorang doktor yang ingin melihat pesakitnya sembuh.

Pesakit jika benar-benar ingin sembuh, perlulah mengikut nasihat doktor dengan memakan segala ubat yang diberikan walaupun rasanya mungkin pahit dan sebagainya. Boleh jadi pesakit itu terpaksa menelan ubat yang disyorkan dengan pisang untuk mengurangkan rasa pahit, manakala bagi sesetengah pesakit pula mampu menahan rasa pahit itu tanpa mendapatkan bantuan apa-apa pemanis untuk menelannya.

Bagaimanapun, pesakit sejak hari pertama pemerintahan pembangkang di bumi Kelantan hinggalah Jumaat lalu, gagal menelan ubat yang disyorkan. Maka Umno Kelantan sentiasalah sakit dan pembangkang mudah mengambil kesempatan atas kelemahan ini.

Namun detik perubahan telah bermula apabila tindakan drastik yang diambil oleh Abdullah menyaksikan Umno Kelantan benar-benar memakan ubat yang dicadangkan sekian lama oleh banyak pihak. Justeru, berlakulah perubahan di Kubang Kerian, Pasir Mas, Kuala Krai dan Bachok yang menyaksikan gandingan di antara muka baru dan lama masing-masing dilantik sebagai Ketua Penaja Umno Bahagian yang baru.

Sebagai generasi muda negeri Kelantan, kita melihat perubahan ini menunjukkan komitmen sebenar Umno Kelantan yang diterajui oleh Datuk Mustapa Mohamed untuk benar-benar berubah. Hal ini juga menggambarkan Umno Kelantan benar-benar serius untuk menawan kembali negeri Cik Siti Wan Kembang ini daripada Pas.

Oleh itu, adalah menjadi harapan generasi muda Kelantan untuk melihat pemimpin Umno Kelantan memantapkan barisan dan bergerak dalam satu pasukan bagi menghadapi pilihan raya umum nanti. Sayugia janganlah berlaku tindakan mensabotaj atau `cah keting' sesama sendiri dalam pilihan raya umum nanti kerana keputusan yang dibuat adalah sangat perlu bagi menawan semula negeri tercinta ini. Sebaliknya semua pihak harus akur dengan keputusan yang telah dibuat oleh MT demi mencapai cita-cita bersama.

Kami generasi muda Kelantan sudah jemu melihat ketidakupayaan kerajaan negeri sedia ada menguruskan negeri. Lambakan graduan menganggur, kes jenayah sosial dan pelbagai masalah lain terus menghantui rakyat Kelantan tanpa mendapat maklum balas sewajarnya daripada kerajaan negeri.

Selain itu, masalah penghijrahan warga Kelantan ke luar negeri terutama membabitkan golongan muda masih gagal diatasi, malah dilihat sebagai peluang untuk memudahkan tugas kerajaan negeri untuk tidak menyediakan peluang kerjaya kepada rakyat.

Justeru, kami menyeru seluruh rakyat Kelantan melakukan perubahan agar nasib kita kelak akan lebih terbela. Pilihlah mereka yang berwibawa agar kerajaan Kelantan benar-benar menjadi baldatun toyyibatun wa rabbun ghafur. Yang pasti Umno Kelantan telah menunjukkan komitmen untuk berubah sebagaimana mengikut kemahuan ramai, tinggal lagi kita semua perlulah mengikut jejak langkah ini agar tercapai segala impian.

MUHD NOR ASWADI MD NOR,
Timbalan Presiden,
Persatuan Himpunan Melayu Muda Kelantan.